



Pelajar UPM Tempat Ketiga L' Oreal Brandstorm



Kumpulan Les Amies membawa pulang hamper L'Oreal bernilai RM300, bawcer pelancongan bernilai RM2,500 dan trofi.

PETALING JAYA, 10 Mei – Kumpulan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi tempat ketiga pertandingan L'Oreal Brandstorm di PJ Trade Center.

Kumpulan Les Amies yang dianggotai oleh Lim Mei Shan, Lim Chien Wei dan Low Kar Hui di bawah bimbingan Dr. Tee Keng Kok dan Dr. Serene Ng Siew Imm dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan memenangi hamper L'Oreal bernilai RM300, bawcer pelancongan bernilai RM2,500 dan trofi setelah mempromosikan produk lelaki Diesel.

“Walaupun kumpulan kami mendapat tempat ketiga, pihak juri memuji mock-up kami berbanding kumpulan lain,” kata Lim.



Kumpulan Les Amies mempromosi produk lelaki Diesel dengan gaya 'Heads Up'.

Satu lagi kumpulan pelajar bergelar Team Specs dari UPM turut memenangi hadiah sagu hati.

Pertandingan itu bertujuan mencari bakat dan kreativiti pelajar mengaplikasikan idea mereka terhadap salah satu produk L'Oreal's iaitu Diesel.

Peserta dikehendaki menggunakan jenama Diesel iaitu produk kecantikan lelaki untuk mengaplikasikan penggunaannya secara kreatif selain dari minyak wangi.



Kumpulan Specs dari UPM memenangi tempat saguhati dalam pertandingan tersebut.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Mohd Faisal Md Noor 03-89466013).**

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia